

01/07/2001

Melayu perlu kikis nilai lemah: PM

Zulkofli Jamaludin; Minarni Mat Saad

SHAH ALAM: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan, orang Melayu akan menjadi warga kelas kedua di negara sendiri jika usaha dan matlamat memajukan bangsa dan agama tidak berjaya.

Perdana Menteri berkata, kegagalan memajukan bangsa dan agama terserlah apabila orang Melayu masih belum mampu berdikari dan gagal bersatu mengikut tuntutan agama, walaupun sudah lebih 43 tahun merdeka.

Justeru, beliau meminta orang Melayu menyoal diri sendiri mengapa mereka tidak maju berbanding kaum lain, tanpa meletakkan kesalahan itu kepada kerajaan saja.

"Kita perlu betulkan sikap kita. Nilai lemah yang ada pada orang Melayu perlu dikikis dan diganti dengan nilai yang boleh membawa kejayaan selaras dasar perjuangan Umno untuk agama, bangsa dan tanah air.

"Kita juga perlu tumpu kepada kegagalan individu, bukan apa yang kerajaan boleh buat untuk kita supaya maju," kata Presiden Umno ketika berucap pada Konvensyen Umno Selangor di Dewan Perdana, Hotel Grand Blue Wave, di sini, semalam.

Turut hadir isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo dan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Tan Sri Muhammad Muhd Taib.

Perdana Menteri berkata, unsur kemerosotan pencapaian orang Melayu dapat dilihat dengan jelas kerana sehingga kini mereka masih tergolong dalam kumpulan termiskin.

"Ini terbukti apabila orang Melayu masih mendesak kerajaan membina lebih banyak rumah murah. Apakah desakan itu disebabkan kita hanya mampu memiliki rumah murah saja, berbanding kaum lain," katanya.

Ditanya pada sidang akhbar apakah orang Melayu akan menjadi rakyat kelas kedua ketika negara mencapai status negara maju pada 2020, Dr Mahathir berkata:

"Kita berharap ia tidak berlaku, sebab tu saya cakap (mengenai Melayu patut membaiki kelemahan diri) sekarang, mudah-mudahan kita (bangsa Melayu) akan berjaya."

Pada majlis itu Dr Mahathir turut mengumumkan nama pusat latihan Umno Selangor dengan nama Institut Latihan Budaya Baru Melayu Selangor.

Dalam ucapan selama lebih sejam itu, Perdana Menteri turut menjelaskan kepada peserta bahawa perjuangan mengangkat martabat agama tidak mencapai matlamat kerana sehingga kini orang Melayu tidak dapat mewujudkan hubungan rapat, berdamai dan melahirkan perasaan bersaudara.

"Perjuangan Umno untuk meningkat agama dari segi fizikal mudah dan dapat dilihat, tetapi bagi membimbing orang Islam mengikut ajaran yang dituntut oleh agama belum lagi berjaya.

"Umno tidak harus fikir ini tanggungjawab orang lain. Kita perlu bertanya apakah kita patut terus menggunakan duit kerajaan untuk membina masjid," katanya.

Dr Mahathir berkata, konvensyen Umno perlu menumpukan kepada usaha mencari kelemahan diri dan mengatasinya supaya orang Melayu mempunyai ketahanan untuk berjaya.

"Konvensyen yang dianjurkan sebelum merdeka sehingga sekarang tidak memberi perhatian kepada perkara pokok iaitu mengenal pasti kelemahan diri dan cuba membaikinya.

"Orang Melayu dari dulu hingga sekarang mendakwa mereka susah dan mahu orang lain membuat sesuatu untuk mereka menjadi kaya," katanya sambil

menambah setiap kali konvensyen, ada 200 rumusan meminta kerajaan mengambil tindakan.

Sehubungan itu, katanya, orang Melayu perlu membuat analisis dan bertanya pada diri masing-masing mengapa gagal dan apakah kegagalan itu disebabkan kerajaan tidak bertindak atau orang Melayu tidak membuat sesuatu.

Dr Mahathir berkata, orang Melayu perlu tingkat keupayaan untuk mendapat imbuhan yang lebih baik seperti kaum lain kerana mereka juga mempunyai peluang untuk berjaya.

Sambil memberi contoh pesawah, Perdana Menteri berkata, mereka boleh menambah pendapatan dengan mengusahakan ternakan atau perniagaan tanpa bergantung kepada sawah semata-mata.

"Kita lihat bagaimana pesawah Cina yang menternak itik untuk menambah pendapatan masih dapat memastikan sawah mereka mengeluarkan hasil yang tinggi," katanya.

Dalam perniagaan pula, katanya, pencapaian orang Melayu masih rendah dan hanya berniaga di gerai saja tanpa mampu memiliki ruang niaga di kompleks beli belah.

Sementara itu Dr Mahathir berkata, kerajaan akan mengambil tindakan terhadap resolusi yang dibuat oleh parti jika mendapati resolusi berkenaan munasabah.

"Tetapi hendak suruh kita bubuh duit dalam saku orang susahlah... mereka perlu berusaha sendiri perlahan-lahan," katanya.

Dr Mahathir berkata, kebanyakan desakan dan resolusi yang dihasilkan daripada konvensyen Umno dan kongres ekonomi Bumiputera selalunya merujuk kepada kemiskinan Melayu.

Oleh sebab itu, katanya, Umno menekankan konsep menumpukan kepada kelemahan diri dan berusaha menanganinya supaya ahli Umno serta orang Melayu tidak terpinggir dari segi ekonomi.

(END)